

NAMA : NURINA PILLIN SIBAT
NO. KP : 830921135712
EMEL : nurina5712@gmail.com
TASK 1 : Kelebihan Penggunaan Laman Web Sebagai Bahan Pengajaran dan Pembelajaran

Menurut Collins (1996) tahun 1996/97 adalah era permulaan bagi penggunaan internet dalam alam pendidikan. Di Malaysia, telah dibangunkan beberapa laman web khusus bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran oleh jabatan kerajaan, agensi swasta dan juga individu tertentu. Sebagai contoh adalah e-Tuisyen dan Cikgu Net. Walau bagaimanapun, terdapat dua istilah yang kerap digunakan dalam konteks perbincangan dan penggunaan laman web ini iaitu pengajaran berasaskan web (*web based instruction, WBI*), dan pembelajaran melalui laman web pendidikan (*educational websites, EWS*).

WBI ini boleh dikategorikan sebagai satu inovasi yang mengaplikasikan penggunaan web sebagai medium perantaraan dalam pengajaran. Salah satu kelebihan penggunaan laman web ini adalah ia bukan sahaja membolehkan komunikasi secara terus di antara pelajar dengan guru, pelajar dengan rakan, malahan juga dengan persekitaran laman web tersebut. E-mel, ruang bual (*chat room*), perbincangan video (*tele-conferencing*) dan papan buletin adalah merupakan antara contoh saluran komunikasi yang kerap digunakan.

Sementara itu, EWS pula merupakan kaedah pembelajaran yang menggunakan laman web pendidikan yang dibina khusus bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, EWS juga merupakan salah satu platform bagi WBI. Rata - rata laman web pendidikan di Malaysia adalah menepati sukatan pelajaran yang ditetapkan mengikut tahap-tahap tertentu.

Kelebihan-kelebihan Penggunaan Laman Web Sebagai Bahan Pengajaran dan Pembelajaran

Telah banyak kajian yang dijalankan di luar negara yang mendapati bahawa banyak kelebihan penggunaan laman web dalam P & P. Antaranya adalah Hambric (1997) yang mendapati bahawa laman web amat berkesan dalam penyelesaian masalah di kalangan pelajar Tahun 5 di

Vista California. Selain itu, laman web juga berperanan sebagai satu alat yang berkesan serta sesuai bagi pelajar dan tenaga pengajar dalam meningkatkan pencapaian dan minat terhadap pembelajaran menurut hasil kajian yang dilaporkan oleh Anderson dan Joerg (1996). Di samping itu, pengajaran berasaskan laman web juga berpotensi sebagai alternatif atau cara baru pengajaran untuk menghasilkan pengajaran yang lebih bermakna.

Antara kelebihan pengajaran berasaskan laman web adalah:

1. Ciri - ciri hiperteks, hiperlinks dan hipermedia

Ciri - ciri ini membolehkan penyampaian pengajaran dalam bentuk tidak linear. Melalui kaedah hipermedia yang mengambil pendekatan berpusatkan pelajar akan mewujudkan satu suasana belajar yang aktif dan bermotivasi (Becker & Dwyer, 1994). Ini berpotensi menjadikan suasana pembelajaran lebih seronok.

2. Menggalakkan pertanyaan soalan dan penerokaan

Ini adalah didorong oleh kemampuan berinteraksi secara terus atas talian bersama pengajar, rakan - rakan malah dengan individu lain berkaitan sesuatu bidang yang dipelajari.

3. Penghantaran maklumat secara terus

Pengajaran melalui laman web turut menyediakan platform untuk menghantar dan menyalurkan maklumat yang bukan sahaja dalam bentuk teks malah berbentuk grafik, animasi, audio dan video. Kebanyakan elemen interaktif ini boleh dikawal secara terus oleh para pelajar. Pelajar juga boleh berpindah dari satu bahagian ke satu bahagian yang lain atau dari satu media kepada satu media lain melalui kaedah hiperlink dan hipermedia.

4. Interaksi dua hala atau secara langsung (*live*)

Kaedah pembelajaran melalui laman web juga membolehkan pelajar berkomunikasi secara sinkroni iaitu melalui sesi perbualan (*chat*) dan juga asinkroni seperti e-mel. Komunikasi sinkroni ini membolehkan pelajar berinteraksi pada masa sebenar seperti melakukan diskusi. Komunikasi asinkroni seperti (e-mel) pula membolehkan interaksi berlaku pada masa dan lokasi berlainan antara dua atau lebih pengguna. Kemudahan

komunikasi seperti ini bukan menggalakan peluang berkomunikasi dan bekerjasama melangkaui jarak dan masa malah menggalakkan penerokaan sumber maklumat baru serta meningkat sikap berkaitan kerjasama dan pencapaian.

5. Pengemaskinian dan penyimpanan maklumat

Maklumat di dalam laman web boleh diubah, ditambah atau disingkirkan mengikut kesesuaian pada bila - bila masa. Oleh yang demikian maklumat yang disalurkan atau diperolehi adalah maklumat yang terkini. Selain itu, maklumat yang disimpan tidak memerlukan ruang yang besar atau spesifik tetapi diarkibkan di dalam memori komputer. Ini secara tidak langsung memudahkan akses kepada maklumat.

Sumber Rujukan (Kajian dan Jurnal)

1. KAEDAH PENGAJARAN BERASASKAN LAMAN WEB TERHADAP PELAJAR
DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK MEKATRONIK DI POLITEKNIK
Zurina Yasak, Baharom Mohamad, Ahmad Esa,
Fakulti Pendidikan Teknikal,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
2. Kelebihan Penggunaan Internet dan Laman Web dalam Pengajaran dan Pembelajaran
Dr. Sajap Maswan
Jabatan Teknologi Pendidikan
Institut Perguruan Tuanku Bainun Pulau Pinang
3. Journal of Islamic and Arabic Education 2(2), 2010 53-64
Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi
Multimedia dalam Pengajaran j-QAF
SITI FATIMAH AHMAD
AB. HALIM TAMURI

